

04 JANUARI 2018

## Beli ketum di utara untuk bekalan KL



DAUN dan air ketum dianggarkan bernilai RM6,376 dirampas polis dalam serbuan di sebuah rumah di Setapak.

### Beli ketum di utara untuk bekalan KL

**Kuala Lumpur:** Daun ketum keluaran ladang haram di utara tanah air bukan hanya untuk diseludup ke Thailand malah turut dibawa ke ibu kota bagi memenuhi permintaan penagih yang semakin meningkat.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Mazlan Lazim berkata, pihaknya mengesan aktiviti sindiket yang dikenali aktif mengambil bekalan daun ketum dari beberapa negeri di utara tanah air untuk bekalan di Lembah Klang.

Dia berkata, sindiket menggunakan perkhidmatan bas ekspres sebagai pengangkutan utama untuk berulang-alik membawa

daun ketum.

"Mereka membawa beg pakaian dan mengisi 50 hingga 60 kilogram(kg) daun ketum sebelum pulang semula ke Kuala Lumpur menaiki bas ekspres.

"Sindiket akan berulang-alik sekurang-kurangnya dua kali seminggu untuk mengambil bekalan. Setiap 15kg daun yang direbus dalam satu periuk dapat menghasilkan 200 bungkus air ketum dengan setiap bungkus mengandungi 1 liter yang dijual RM10," katanya.

Sebelum ini Harian Metro mendedahkan, terdapat ratusan hektar ladang pokok ketum berskala besar di ne-

gara ini yang ditanam sindiket secara tersorok di dalam kawasan kebun getah atau belukar jauh dari kediaman penduduk bagi tujuan penyeludupan.

Kewujudan beberapa ladang ketum ini dibongkar hasil operasi dilakukan pihak polis dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di beberapa lokasi terutama membabitkan sekitar Perak.

"Air ketum kini mendapat permintaan tinggi daripada penagih dadah sebagai alternatif untuk melepaskan gigitan memandangkan cecair berkenaan lebih murah berbanding dadah sintetik," katanya.